



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

### **PEMANDU TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4) JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMANDU TINGKAT I  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TUJUH (07)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai kelas lesen memandu yang sah tertakluk kepada keperluan tugas dan kehendak Kementerian / Jabatan berkenaan.
3. Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 9 atau sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan mengikut kehendak dan yang diaturkan oleh Kementerian / Jabatan berkenaan. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
4. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam kerja-kerja membaiki kerosakan motor sangkut atau kenderaan laut yang berkaitan dan berpengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Sungai di Negara ini serta pandai berenang. (Khusus bagi Pemandu Kenderaan Laut)
5. Berpengalaman memandu beberapa jenis kenderaan dan berkebolehan membaiki kerosakan kecil adalah satu kelebihan.
6. Keutamaan akan diberikan kepada calon Lelaki.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

**SECARA UMUM:**

1. Memandu kenderaan yang digunakan bagi membawa penumpang-penumpang dan pegawai / kakitangan Kementerian / Jabatan bagi urusan-urusan rasmi Kementerian / Jabatan (jika berkenaan);
2. Menguruskan kerja-kerja pemeliharaan / pembaikan kenderaan serta penyambungan cukai jalan jika diperlukan;



3. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pemberian kerosakan-kerosakan kenderaan yang digunakan dan kerja-kerja berkaitan;
4. Menghadapkan laporan dengan seberapa segera sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian kepada Ketua Bahagian;
5. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan kenderaan yang digunakan dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan bersih serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan;
6. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang (jika berkenaan);
7. Bertugas mengikut jadual waktu bertugas yang telah disediakan;
8. Bersedia untuk ditempatkan dan bertugas di mana-mana daerah jika diperlukan; dan
9. Menerima arahan dari semua pegawai atasan dari semasa ke semasa.

#### **DI JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Memandu Pegawai Kanan Kerajaan yang diberikan kemudahan kenderaan dan Pemandu Rasmi (*VIP*) atas urusan rasmi seperti dari rumah ke pejabat, menghadiri mesyuarat, menghadiri jemputan rasmi dan sebagainya tanpa mengira waktu bertugas;
2. Bertanggungjawab bagi kebersihan dan pemeliharaan kenderaan kerajaan yang dipandu dan seterusnya membuat laporan kerosakan serta keperluan alat ganti kepada Pembantu Teknik Kanan atau Pengawas Kenderaan;
3. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan penumpang serta pengguna-pengguna jalan raya yang lain dengan mengamalkan sikap pemanduan mengikut Undang-Undang Negara Brunei Darussalam di bawah Akta Lalulintas Jalan Raya Bab 68;
4. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan kenderaan yang digunakan dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan bersih serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan;
5. Membuat laporan Polis bagi kenderaan yang terlibat dalam kemalangan;
6. Bersedia bagi menerima sebarang arahan dari semua pegawai dari semasa ke semasa.